



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.11/ 2018

PERUBAHAN KAEDAH PENGUNDIAN POS LUAR NEGARA TIDAK JEJASKAN KETELUSAN PROSES PENGUNDIAN.

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin menjelaskan bahawa perubahan kaedah pengundian pos luar negara pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) tidak akan menjejaskan ketelusan proses pengundian. Ini adalah kerana proses undi pos luar negara adalah berdasarkan permohonan yang dibuat sendiri oleh pemilih yang layak dengan menyertakan maklumat diri iaitu nombor kad pengenalan beserta nombor passport sebagai bukti pengenalan diri.
2. Maklumat tersebut akan disahkan kelayakkannya dengan pihak Jabatan Imigresen sebelum SPR memaklumkan kepada pemohon sama ada permohonan itu diluluskan atau ditolak. Seterusnya urusan pengeluaran kertas undi pos akan dibuat oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan dengan disaksikan oleh wakil-wakil calon yang bertanding semasa pengeluaran sampul kertas undi pos untuk penghantaran kepada pemohon yang berjaya.
3. Pengundi akan menerima secara terus sampul kertas undi pos berkenaan dan mereka perlu menanda pilihan mereka serta hendaklah mengisi Borang 2 (pengisytiharan identiti) dengan lengkap di hadapan seorang saksi bagi membuktikan penerima sampul kertas undi itu adalah pengundi pos berkenaan. Proses ini sama sebagaimana pengundian pos yang lain.

4. Borang 2 itu perlu dihantar kepada Pegawai Pengurus bahagian pilihan raya masing-masing bersama sampul yang mengandungi kertas undi sebagai pengesahan bahawa undi tersebut adalah daripada pengundi pos berkenaan.

5. Sampul undi pos yang diterima oleh Pegawai Pengurus akan dibuka dengan disaksikan oleh wakil-wakil calon sebelum dimasukkan ke dalam peti undi yang dimaterai. Malah proses pengiraan undi pos juga dijalankan secara telus dengan disaksikan sendiri oleh wakil-wakil calon yang dilantik oleh calon yang bertanding.

6. Kaedah ini memudahkan pengundi pos luar negara kerana mereka tidak lagi perlu ke Pejabat Kedutaan atau Malawakil yang jauh dari tempat bermastautin, malah di sesetengah negara tidak terdapat Malawakil yang berhampiran.

7. Untuk rekod, sehingga kini SPR telah menerima sebanyak **828** permohonan sejak ia mula dibuka pada 23 Januari yang lalu. Manakala sebanyak **285** permohonan pula telah diluluskan dan selebihnya masih lagi dalam proses semakan. Antara permohonan yang paling banyak diterima adalah dari negara United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong dan Jerman.

8. Selain itu, terdapat seramai **3,601** orang Pengundi Tidak Hadir (PTH) di luar negara yang berdaftar dan mereka terdiri daripada penjawat awam serta pasangan dan pelajar sepenuh masa serta pasangan di luar negara juga merupakan pengundi pos. Walau bagaimanapun, mana-mana penjawat awam serta pasangan dan pelajar sepenuh masa serta pasangan di luar negara yang tidak berdaftar sebagai PTH, mereka perlu memohon undi pos melalui Borang 1B kepada SPR sebelum hari pembubaran Dewan Rakyat.

9. Dalam hal ini, SPR menegaskan akan sentiasa memastikan aspek ketelusan dalam melaksanakan setiap proses pilihan raya seperti proses pengeluaran, penghantaran, penerimaan dan pengiraan undi pos yang dibuat oleh SPR ini adalah mematuhi kehendak perundangan sepenuhnya bagi memastikan kerahsiaan undi terjamin.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 9 Februari 2018/ 23 Jamadil Awwal 1439H